

10 MAR 1998

Myanmar-Abdullah

DAGANGAN ASEAN: MYANMAR SETUJU GUNA MATAWANG SENDIRI

Oleh: Syed Jamil Jaafar

YANGON, 10 Mac (Bernama) -- Myanmar bersetuju dan ingin menyertai rancangan yang dipelopori Malaysia supaya dagangan antara negara-negara Asean menggunakan matawang serantau dalam usaha menangani kegawatan ekonomi.

Persetujuan Myanmar dinyatakan oleh Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan (SPDC) Jeneral Kanan Than Shwe kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rundingan mereka semalam.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu wartawan Malaysia Dr Mahathir telah menerangkan kepada Than Shwe langkah-langkah yang diambil untuk menjayakan ketetapan ketua-ketua kerajaan Asean untuk meningkatkan perdagangan Asean menerusi kaedah baru itu.

Abdullah berkata Myanmar juga bersedia menggunakan kaedah dagangan tukar barangan dalam hubungan dagangan dengan Malaysia.

"Myanmar menawarkan banyak barangan terutama bahan makanan yang Malaysia perlukan sementara Malaysia pula menawarkan barangan yang diperlukan oleh Myanmar tetapi tidak dapat dibelinya kerana kurang wang," kata Abdullah.

"Kaedah barter trade atau dagangan tukar barang boleh diambil,".

Beliau berkata Dr Mahathir dan Than Shwe bersetuju permuafakatan di kalangan negara-negara Asean perlu ditingkatkan dalam menghadapi masalah ekonomi dan kejatuhan nilai matawang yang melanda rantau ini.

Dr Mahathir menawarkan kemudahan latihan di Malaysia kepada pegawai-pegawai luar Myanmar, yang menjadi anggota Asean tahun lepas, memandangkan negara ini memberi keutamaan kepada pembangunan pertanian.

Abdullah berkata Dr Mahathir memberi pandangan kepada kepimpinan Myanmar akan pentingnya toleransi dalam mengendalikan hubungan kaum.

Berdasarkan pengalaman Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Myanmar, sikap toleransi ini juga perlu diamalkan dalam hal agama.

"Kita tahu Myanmar sedang berusaha mengadakan perkembangan baru dan Perdana Menteri menyatakan harapan proses ini dapat dipercepatkan," kata beliau.

Myanmar menyatakan proses ini sedang berjalan walaupun menghadapi pelbagai masalah terutama dalam soal perkongsian kuasa di kalangan golongan-golongan etnik yang sebahagiannya masih belum meletakkan senjata.

Dr Mahathir juga menyatakan pandangan kepada pucuk pimpinan Myanmar bahawa sesebuah negara itu tidak boleh melindungi dirinya daripada pandangan dan kritikan orang.

"Perdana Menteri berkata bahawa walaupun menjadi hak kita untuk mentadbir negara sendiri, tetapi ada kalanya kita perlu juga ambil kira amalan atau nilai-nilai yang sudah menjadi penerimaan atau amalan masyarakat antarabangsa," kata Abdullah.

Mengenai pelarian Muslim Rohingya di Malaysia, Abdullah berkata Than Shwe bersetuju menghantar seorang pegawai kanan ke Malaysia untuk mengenalpasti mereka yang mendakwa rakyat Myanmar tetapi tidak mempunyai dokumen bukti.

Malaysia meminta Myanmar supaya menerima balik pelarian dan pendatang tanpa dokumen ini. --BERNAMA

SJ